

30 SEP 1998

Negara-Ibrahim

TIADA KEKEJAMAN POLIS SEMASA DALAM TAHANAN, KATA IBRAHIM ALI

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Adalah tidak mustahil seseorang yang ditahan polis melakukan perbuatan yang mencederakan diri sendiri sebelum polis menjalankan siasatan, kata Senator Ibrahim Ali pada persidangan khas Dewan Negara hari ini.

"Saya pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dua kali tetapi kekejaman polis tidak pernah berlaku," katanya semasa menyokong Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998 yang dibentang oleh Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, beliau sangsi dengan dakwaan Anwar dipukul polis kerana pengalamannya ditahan ISA pada 1974 dan 1987 polis tidak melakukan kekerasan fizikal.

"Tetapi mereka ada menggunakan tekanan psikologi untuk mendapatkan maklumat. Mana-mana polis pun akan ada segan silu kerana kedudukan Anwar sebagai bekas timbalan perdana menteri," katanya.

Ibrahim mengulas dakwaan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dipukul ketika dalam tahanan polis.

Ibrahim juga berkata setahunya ada orang yang ditahan polis menghentak kepala mereka sendiri pada dinding sebelum polis menjalankan soal siasat.

Sambil menyokong tindakan polis menubuhkan jawatankuasa untuk menyiasat dakwaan Anwar itu, Ibrahim mencadangkan supaya ia turut dianggotai dua orang awam supaya siasatan dapat dijalankan secara adil dan telus.

Semasa menyokong pembentangan Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat), Ibrahim sebelum itu berkata semua rang undang-undang yang akan dibentangkan tidak bermakna sekiranya tidak ada kestabilan politik di negara ini.

Katanya, kejayaan rakyat selama ini disebabkan kestabilan politik yang wujud kerana rakyat Malaysia tidak mudah dipengaruhi dan dikelirukan oleh pihak asing.

Menurutnya, perbuatan Anwar menyelar kerajaan, sistem kehakiman dan kepolisian serta tindakan gerakan reformasi oleh penyokongnya akan membuat pelabur hilang keyakinan kepada negara ini.

Ibrahim berkata beliau amat dukacita terhadap Anwar kerana mengambil tindakan yang tidak sepatutny setelah dipecat daripada jawatan kerajaan dan UMNO.

"Saya terkejut dengan tindakan Datuk Seri Anwar kerana sebagai pemimpin dia pernah memberi rangsangan kepada rakyat supaya bersabar bila menghadapi masalah kerana kesabaran itu mencerminkan keimanan kita.

"Saya anggap dia akan menjadi contoh yang terbaik dalam menghadapi masalah, tetapi amat dukacita kerana sebaik sahaja dipecat bekas pemimpin itu menggunakan media asing menyerang kerajaan," katanya.

Katnya, mereka yang memahami undang-undang, pelantikan dan pemecatan seseorang menteri termasuk timbalan perdana menteri adalah hak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Sultan Hassanah Bolikiah dari Brunei sendiri memecat adiknya Jefri yang juga menteri kewangan. Selain itu menteri-menteri kewangan negara jiran seperti Indonesia dan Thailand juga turut dipecat ketika krisis ekonomi.

Katanya, pujian dan sokongan harus diberi kepada Dr Mahathir kerana keberaniannya mengambil tindakan itu sedangkan beliau sendiri tahu bahawa Anwar amat popular dan mempunyai banyak penyokong dan nama baik di peringkat antarabangsa.

Katanya, pemecatan Anwar adalah satu kejutan yang hampir menggugat negara, yang jika tidak ditangani sudah tentu menjadikan negara huru hara. "Ini adalah tragedi yang amat memalukan," katanya.

--BERNAMA

ARA RI